

# Helo Kampus

Hello Kampus

kampus@utusan.com.my



DR. YUSERRIE ZAINUDDIN (tiga kanan) dan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman (dua kiri) bergambar bersama pemenang utama Pertandingan Memancing Terbuka UMP sempena ekspokonvo universiti itu.



ABDUL SYUKOR ABD. RAZAK (tengah) dan Abd. Rahman Safie (kiri) serta Mohd. Shariza Abdullah (kanan) melepaskan ikan keli ke dalam tasik UMP sempena ekspokonvo universiti itu, di Pekan, Pahang baru-baru ini.



SYED MOHAMAD HAMZAH AL-JUNID SYED ABDUL RAHMAN (KANAN) menunjukkan ikan keli yang berjaya dimalkukan oleh peserta Pertandingan Memancing Terbuka UMP.

## Cabaran kaki pancing UMP

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA  
kampus@utusan.com.my



**P**ERTANDINGAN Memancing Terbuka sempena Ekspokonvo Universiti Malaysia Pahang (UMP) di tasik universiti berkenaan di Pekan, Pahang baru-baru ini berlangsung meriah dengan penyertaan hampir 600 kaki pancing.

Pertandingan kali kedua anjuran UMP bersama akhbar *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* itu menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM16,000.

Selain wang tunai RM7,000 bagi pemenang pertama, RM2,500 (naib juara) dan RM1,000 (ketiga), para peserta berpeluang membawa pulang hadiah-hadiah minuman air Oishi satu liter perisa honey lemon dan tambah nilai RM10 dari Celcom.

Bagi memeriahkan pertandingan berkenaan, sebanyak satu tan metrik ikan pelbagai spesies dilepaskan ke dalam tasik itu antaranya keli Afrika dan patin. Ikan itu disumbangkan oleh UMP EcoPest Sdn. Bhd. (EcoPest).

Majlis pelepasan itu disempurnakan oleh Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Safie dan Pengarah Urusan EcoPest, Ir. Abdul Syukor Abd. Razak yang juga Ketua Kluster Air Ranking UI Green Metric UMP.

Sementara itu, penyertaan kali kedua dalam pertandingan memancing di UMP membawa tuah buat Wan Ahmad Fauzi Wan Mahamud, 52, dari Balok Perdana, Kuantan yang muncul juara selepas menaikkan ikan keli Afrika seberat 3.97 kilogram, sekali gus membolehkannya merangkul hadiah wang tunai RM7,000.

Tempat kedua dimenangi Abdul Mutalib Mohd. Keteh, 44, dari Pekan selepas menaikkan ikan keli seberat 3.165 kilogram.

Tempat ketiga pula menjadi milik Dono Nario Sarbani, 41, dari Taman Indera Sempurna, Pekan yang berjaya menaikkan ikan keli seberat 3.056 kilogram.

Hadiyah pertandingan itu disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Datuk Prof. Dr. Yuserrie Zainuddin dengan dihadiri Pengarah Urusan UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH), Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman.

Seramai 2,845 graduan telah menerima ijazah dan diploma masing-masing dalam istiadat konvoesyen UMP Ke-12 yang berlangsung selama tiga hari, bermula 18 November lalu di Dewan Kompleks Sukan UMP, Kampus Gambang di Pekan, Pahang.